

08/04/2000

Azmin kenal Anwar ketika belajar di Amerika

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bekas Setiausaha Sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohamed Azmin Ali memberitahu mahkamah, beliau mengenali bekas Timbalan Perdana Menteri itu ketika menuntut di Amerika Syarikat pada sekitar 1983 atau 1984.

Beliau yang memberi keterangan di Mahkamah Tinggi, di sini hari ini, berkata pada ketika itu Anwar dihantar oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk merasmikan perhimpunan pelajar Malaysia di negara itu.

"Datuk Seri Anwar datang ke Amerika Syarikat atas kiriman Dr Mahathir selepas saya menghubungi Perdana Menteri melalui telefon. Saya memang mempunyai hubungan rapat dengan Dr Mahathir dan keluarganya ketika saya menjadi pemimpin pelajar di Amerika Syarikat," katanya.

Mohamed Azmin saksi ke-22 pembela, berkata selepas menamatkan pelajarannya peringkat Ijazah Sarjana Pendidikan, dalam bidang Matematik dan Ekonomi, dari Universiti Minnessota, Amerika Syarikat pada 1987, beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit Menteri Pendidikan pada April 1989.

Katanya, beliau dilantik sebagai Setiausaha Sulit Menteri Kewangan pada 1993 dan pada masa yang sama menjawat jawatan Setiausaha Sulit Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata, perkhidmatan dengan Menteri Kewangan tamat pada 1996 manakala dengan Timbalan Perdana Menteri pada 2 September 1998.

Katanya, beliau kemudian dipindahkan ke Kementerian Pendidikan sebagai pegawai pendidikan tetapi menolak tawaran itu dengan mengemukakan surat perletakan jawatan.

Mohamed Azmin berkata beliau bekerja dengan Anwar selama 15 tahun dan mengikuti bekas Timbalan Perdana Menteri ketika melakukan lawatan di dalam dan luar negara.

Menjawab soalan peguam bela Anwar, Mohamed Azmin berkata bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Hanif Omar ada menemui Anwar di rumah Timbalan Perdana Menteri pada jam 7.45 pagi pada 1993.

Katanya, Anwar menemui Mohd Hanif di rumahnya selepas tidak membenarkan ahli perniagaan, Datuk Andrew Leong mengatur pertemuan itu bagi pihak bekas Ketua Polis Negara.

Kepada satu soalan, Mohamed Azmin berkata bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang ada memberi cadangan kepadanya supaya meminta adiknya, Ummi Hafilda menarik balik tohmahan terhadap Anwar.

Katanya, beliau tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana ketika itu beliau tidak lagi bercakap dengan Ummi Hafilda.

Mohd Azmin berkata, selepas membincangkan cadangan Mohd Said dengan adik beradiknya, beliau ada berjumpa dengan Ummi Hafilda sebanyak tiga kali berhubung perkara berkenaan setahun kemudian.

Bagaimanapun, katanya, Ummi Hafilda memberitahunya bahawa beliau tidak boleh menarik diri daripada komplot membuat tohmahan ke atas Anwar kerana sudah menerima wang daripada pihak berkenaan.

Katanya, Ummi Hafilda mengaku bahawa beliau bukan penulis surat yang membuat tohmahan ke atas Anwar dan menyerahkan satu salinan akuan bersumpahnya menafikan pembabitannya dalam komplot itu.

Kepada soalan Fernando, Mohamed Azmin memberitahu mahkamah, bapanya tidak mengaku Ummi Hafilda sebagai anaknya selepas adiknya itu melarikan diri dengan suami orang ke luar negara.

Mohamed Azmin memberi keterangan di depan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka dalam kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

Perbicaraan bersambung Isnin ini.

(END)